

Suami isteri harungi cabaran demi PhD

[FOTO MOHD ADAM ARININ/BH]



Mohd Mahadzir dan Norsimah menerima Ijazah PhD pada Konvokesyen UMS, di Kota Kinabalu, semalam.

➔ Sibuk bekerja, urus rumah tangga bukan halangan

BH 19.11.2017 3

Oleh **Amniera Naziera Amran**
bhnews@bh.com.my

▀ Kota Kinabalu

Kesibukan kerja dan tanggungjawab menguruskan rumah tangga, bukan penghalang kepada pasangan suami isteri untuk menamatkan pengajian, sekali gus bersama menggenggam ijazah doktor falsafah (PhD) pada Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-19, di sini, semalam.

Dr Norsimah Dasan, 45, dan suaminya, Dr Mohd Mahadzir Rahimi Mohamed Nawi, 43, menerima Ijazah PhD Psikologi serta Ijazah PhD Kurikulum dan Pengajaran.



Saya selalu menangis, terutama pada tahun kedua pengajian kerana ketika itu sarat mengandung anak kelima. Saya mengalami alahan yang teruk menyebabkan kerap tidak hadir kelas”

Norsimah Dasan

Mereka antara 732 graduan pada sidang pertama konvokesyen UMS termasuk 59 penerima PhD yang disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Juhar Mahiruddin.

Harung pelbagai cabaran

Ketika ditemui, Norsimah yang bekerja sebagai tutor di Open Universiti Malaysia (OUM) Sabah di sini, berkata pelbagai cabaran mereka harungi sepanjang empat tahun pengajian antaranya tanggungjawab terhadap keluarga dan pekerjaan.

“Saya selalu menangis, terutama pada tahun kedua pengajian kerana ketika itu sarat mengandung anak kelima. Saya mengalami alahan menyebabkan kerap tidak hadir kelas.

“Saya hampir tidak mahu menamatkan pengajian kerana berputus asa, namun dorongan ahli keluarga, terutama suami dan anak membuatkan saya membatalkan niat itu,” katanya sambil menambah beliau dan suaminya adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Sains Malaysia (USM),” katanya.